

No Soalan: 429
PR-1323-T64081

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

SOALAN : Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan
komitmen Kerajaan ke atas keselamatan,
kedaulatan dan keamanan negara Islam dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Dewan ini sedia maklum, Malaysia sentiasa memberikan komitmennya yang tidak berbelah bagi ke atas keselamatan, kedaulatan dan keamanan negara Islam dunia.

2. Atas komitmen inilah, Malaysia terus menghulurkan bantuan dan bekerjasama dengan semua negara Islam, sama ada melalui konteks hubungan dua hala atau pelbagai hala.
3. Ini termasuklah sokongan Kerajaan Malaysia terhadap inisiatif dan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pertubuhan Kerjasama Ekonomi D-8 (D-8), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), dan ASEAN, di dalam mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu yang melanda negara-negara Islam masa kini.
4. Di samping itu, Malaysia turut aktif dalam menghadiri pelbagai mesyuarat yang diadakan oleh pertubuhan-pertubuhan dunia tersebut sebagai mencerminkan komitmen negara untuk membantu mencari penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi oleh negara-negara Islam di samping menghulurkan pelbagai bentuk bantuan, termasuklah kewangan, kemanusiaan dan material kepada negara-negara Islam yang memerlukan bantuan.

5. Malaysia juga konsisten dalam membantu negara-negara Islam dalam pelbagai aspek, seperti penyelesaian konflik; pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan; bantuan kemanusiaan; dan pemerkasaan modal insan. Pendekatan tersebut telah dapat meningkatkan keupayaan dan memperkasakan negara-negara Islam seterusnya, membolehkan mereka meningkatkan taraf hidup rakyatnya dan mengatasi permasalahan yang dihadapi.
6. Keahlian Malaysia di dalam Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016 akan membuka lebih banyak peluang untuk Malaysia terus membantu dan bekerjasama erat dengan negara-negara anggota PBB ke arah membela kemakmuran dan kesejahteraan negara-negara Islam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
SOALAN :

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a)sejauh mana pelaksanaan kawalan biologi dalam membanteras pembiakan nyamuk aedes; dan
- (b)apakah jenis vaksin yang berkesan dalam mengawal demam denggi yang berleluasa sekarang

Tuan Yang Dipertua,

Kawalan biologi yang digunakan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia hanyalah menggunakan bakteria *Bacillus thuringiensis israelensis* (*Bti*) bagi membunuh jentik-jentik nyamuk Aedes. Ia digunakan melalui semburan ruang menggunakan mesin *Ultra Low Volume (ULV)*, *mistblower* dan *hand-sprayer* terutama di lokaliti hotspot denggi. Pada tahun ini KKM telah membelanjakan sebanyak RM431,080 untuk membeli *Bti* dan sehingga 22 September 2014, sebanyak 112 lokaliti hotspot telah dibuat semburan menggunakan *Bti*.

Sehingga kini belum ada vaksin untuk penyakit demam denggi, ia masih diperingkat kajian oleh beberapa syarikat farmasutikal termasuklah untuk menentukan keberkesanan vaksin tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, masih belum ada vaksin yang berkesan untuk mengawal demam denggi walaupun beberapa syarikat pengeluar vaksin antarabangsa telah menghasilkannya, vaksin berkenaan yang mana masih lagi dalam kajian.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
SOALAN : 431

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kaedah pemantauan yang dibuat dalam memastikan Polisi Sains Negara mengikut garis panduan yang berkesan dan adakah Kementerian berhasrat menubuhkan Lembaga Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai badan pemantau.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara atau ringkasnya DSTIN menggariskan hala tuju pelaksanaan sains, teknologi dan inovasi atau ringkasnya STI ke arah mewujudkan sebuah negara maju sains menjelang tahun 2020.

DSTIN memberikan fokus kepada 6 Teras Strategik iaitu: (i) Memajukan Bidang-bidang Penyelidikan dan Pembangunan Saintifik dan Sosial, dan Pengkomersialan (R,D&C); (ii) Membangun, Memupuk dan Menggilap Bakat; (iii) Menggiat dan Mencergaskan Industri; (iv) Transformasi Tadbir Urus STI; (v) Menggalak dan Memupuk Kesedaran

STI; dan (vi) Mengukuhkan Hubungan Strategik Antarabangsa. Enam (6) Teras Strategik DSTIN ini akan direalisasikan menerusi Pelan Tindakan DSTIN yang mengandungi pelbagai program, projek dan aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan sehingga tahun 2020. Program-program di bawah DSTIN juga akan menyokong inisiatif Kerajaan dalam melaksanakan program-program di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dari 2016 hingga 2020. Pelaksanaan Pelan Tindakan DSTIN akan melibatkan konsultasi dengan pelbagai pihak termasuk agensi pusat, kementerian-kementerian dan agensi berkaitan serta pihak industri dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk menubuhkan satu majlis dengan menyelaras majlis sedia ada bagi memantau semua aktiviti berkaitan Sains, Teknologi, Inovasi dan Industri (STII). Majlis STII ini akan dianggotai oleh kementerian/jabatan berkaitan STII. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Pejabat Penasihat Sains kepada YAB Perdana Menteri akan bertindak sebagai urus setia bersama. Semua jawatankuasa sedia ada berkaitan sains akan dipantau oleh majlis ini.

Penubuhan majlis ini akan memberi manfaat kepada negara melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) STII yang lebih berfokus. Majlis ini juga akan memacu peranan STII secara menyeluruh dalam membantu mencapai matlamat agenda transformasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan di samping memastikan semua perancangan, pengurusan dan penyelarasan R&D antara agensi menjadi lebih kemas dan efektif. Ia akan dapat memastikan isu pertindihan bidang fungsi di antara majlis dan jawatankuasa sedia ada di bawah bidang STI dapat dikurangkan.

Penubuhan majlis ini akan turut dapat mengukuhkan jalinan kerjasama antara pihak Kerajaan, swasta, akademia dan masyarakat umum yang berdasarkan konsep *quadruple helix* dan dapat menjuruskan program R,D&C termasuk pembangunan industri kepada penjanaankekayaan dan kesejahteraan negara. Penubuhan majlis ini, kini dalam tindakan kementerian.

Sekian, terima kasih.